



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KESAN BIMBINGAN KELOMPOK *CHOICE THEORY REALITY THERAPY* (BKCTR) TERHADAP DAYA TAHAN DAN MOTIVASI DALAM KALANGAN PELAJAR IBU BAPA BERCERAI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HAZIQ AZREE BIN YAZID**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN BIMBINGAN KELOMPOK *CHOICE THEORY REALITY THERAPY*  
(BKCTR) TERHADAP DAYA TAHAN DAN MOTIVASI DALAM KALANGAN  
PELAJAR IBU BAPA BERCERAI**

**HAZIQ AZREE BIN YAZID**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
PERAK**

**2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Saya tanda (✓)  
 Kertas Projek  
 Sarjana Penyelidikan  
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
 Doktor Falsafah


### INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16.....(hari bulan).....10..... (bulan) 2020

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, HAZIQ AZREE BIN YAZID (m20151000979) FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN BIMBINGAN KELOLPOK CHOICE THEORY REALITY THERAPY (BKCTR) TERHADAP DAYA TAUKAN DAN MOTIVASI DALAM KALANGAN PELAJAR IBU BAPA BERGERAI.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 Tandatangan pelajar [upsi.edu.my](http://upsi.edu.my)Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. NASIR B. BISTAMAM(NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN BIMBINGAN KELOLPOK CHOICE THEORY REALITY THERAPY (BKCTR) TERHADAP DAYA TAUKAN DAN MOTIVASI DALAM KALANGAN PELAJAR IBU BAPA BERGERAI (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGETAHUAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16/10/2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. MOHAMMAD NASIR BISTAMAM  
 Jabatan Psikologi dan Kaunseling  
 Fakulti Pembangunan Manusia  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 35900 Tanjung Malim, Perak





## PENGHARGAAN

Kajian Kesan Bimbingan Kelompok Teori Pilihan dan Terapi Realiti (BKCTRT) dalam kalangan Pelajar Ibu Bapa Bercerai telah selesai dijalankan dengan jayanya dengan bantuan dan sumbangsan semua pihak. Setinggi-tinggi penghargaan buat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan kerana telah membenarkan kajian ini dijalankan di sekolah yang terpilih. Terima kasih yang tidak terhingga buat Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya barisan akademik dan bukan akademik Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) telah membantu melancarkan pengurusan pelaksanaan kajian ini. Sekalung penghargaan buat pensyarah penyelia, Prof Madya Dr. Mohammad Nasir bin Bistamam dan Prof Madya Dr. Noraini Bt Ismail kerana sentiasa membimbang dan meniupkan semangat sehingga selesainya kajian ini. Hanya Allah mampu membalias jasa kalian. Buat isteri tercinta, Zalipah binti Ibrahim yang sentiasa memahami betapa besar dugaan dalam menyiapkan kajian ini. Untuk ayahanda tersayang Yazid bin Yaakub yang sentiasa memberikan kata-kata semangat, buat Ibunda Siti Ramlah binti Omar yang sentiasa mencurahkan kasih-kasih sememangnya tiada nilai ganti. Buat puteriku Insyirah Irdeena dan puteraku Wasim Wajdi semoga menjadi anakanda yang solehah dan soleh dan tidak putus asa dalam kehidupanmu. Moga kajian ini menjadi inspirasi agar anakanda mampu mengorak langkah lebih jauh dalam kehidupan akan datang. Tidak dilupakan, keluarga tercinta Alia Azreena, Haziq Zaquan dan Haziq Syazani yang sentiasa memberikan sokongan. Sekalung penghargaan buat Ibunda saudara Azizah bt Omar yang banyak membantu ketika saya berada di Sabah. Buat sahabat perjuangan di Lahad Datu khususnya Long Muhammad Mursyidi dan Firdaus Ahmad terima kasih kerana sentiasa menjadi teman setia. Tidak dilupakan 400 kaunselor yang pernah memberikan saya peluang untuk menguji setiap aktiviti dalam modul ini, sebelum kajian ini dijalankan. Kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman, terima kasih kerana menaja pembelajaran saya selama ini. Semoga semua yang terlibat atas sokongan, kata-kata nasihat dan bimbingan akan diberikan jariah yang berpanjangan. Syukur segalanya dapat diselesaikan pada waktunya meskipun mengambil masa yang panjang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur kesan Bimbingan Kelompok *Choice Theory and Reality Therapy* (BKCTRT) terhadap dua pembolehubah utama iaitu daya tahan dan motivasi dalam kalangan pelajar ibu bapa bercerai. Kajian eksperimen kuasi pra dan pasca ujian ini melibatkan 60 orang subjek (30 lelaki dan 30 perempuan) yang diaghikan kepada empat kelompok iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan dua kelompok kawalan. Data pra dan pasca ujian diukur dengan Skala Daya Tahan (SDT) dan Inventori Motivasi Penyertaan (PMI), dan dianalisis dengan menggunakan min, Ujian-t, MANCOVA dan *Post Hoc* pada aras signifikan 0.05. Dapatkan kajian menunjukkan berlaku peningkatan min daya tahan iaitu daripada 73.33 kepada 83.40, peningkatan min motivasi daripada 107.97 kepada 117.50 pra ujian dan pasca ujian. Hasil Ujian T menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ukuran pra ujian dan pasca ujian Daya Tahan kumpulan rawatan lelaki pada nilai  $t = -4.282$  ( $p < .001$ ) dan kumpulan rawatan perempuan pada nilai  $t = -6.628$  ( $p < .000$ ), serta Motivasi kumpulan rawatan lelaki pada nilai  $t = -4.004$  ( $p < .001$ ) dan kumpulan rawatan perempuan pada nilai  $t = -4.004$  ( $p < .000$ ). Hasil analisis MANCOVA pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pra ujian dan pasca ujian daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan pada nilai  $F(1,30) = 19.507$  ( $p < 0.05$ ), dan pada nilai  $F(1,30) = 11.377$  ( $p < 0.05$ ). Hasil analisis ujian *Post Hoc* pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ukuran pasca ujian daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan lelaki dan kumpulan rawatan perempuan berbanding kumpulan kawalan, namun demikian tidak terdapat perbezaan signifikan ukuran pos ujian daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan lelaki dan kumpulan rawatan perempuan. Rumusan kajian menunjukkan BKCTRT didapati berkesan meningkatkan daya tahan dan motivasi dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki dan perempuan berbanding kumpulan kawalan. Implikasi kajian menunjukkan intervensi BKCTRT boleh dijadikan panduan kepada Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling untuk meningkatkan daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai yang bermasalah di sekolah.





## EFFECTS OF GUIDANCE GROUP CHOICE THEORY REALITY THERAPY (BKCTRT) TOWARDS RESILIENCE AND MOTIVATION AMONG STUDENTS WHOSE PARENTS ARE DIVORCED

### ABSTRACT

*This study aims to measure the effect of Choice Theory and Reality Therapy Group Guidance (BKCTRT) on two main variables namely resilience and motivation among students of divorced parents. This pre- and post-test quasi-experimental study involved 60 subjects (30 males and 30 females) who were divided into four groups, namely the male treatment group, the female treatment group and two control groups. Pre- and post-test data were measured with Resilience Scale (SDT) and Participation Motivation Inventory (PMI), and analysed using mean, t-Test, MANCOVA and Post Hoc at a significance level of 0.05. The findings of the study showed that there was an increase in the mean of resilience from 73.33 to 83.40, an increase in the mean of motivation from 107.97 to 117.50 pre-test and post-test. The results of the T-Test showed that there were significant differences in the pre-test and post-test measures of Resilience of the male treatment group at  $t = -6.628$  ( $p < .000$ ), and the female treatment group at  $t = 4.282$  ( $p < .001$ ) and the Motivation of the male treatment group at  $t = -4.004$  ( $p < .001$ ) and the female treatment group at  $t = -4.004$  ( $p < .000$ ). The results of MANCOVA analysis showed that there was a significant difference between pre-test and post-test resilience and motivation between male treatment group, female treatment group and control group at  $F(1,30) = 19.507$  ( $p < 0.05$ ), and at  $F(1, 30) = 11.377$  ( $p < 0.05$ ). The results of Post Hoc test analysis showed that there was a significant difference in post-test of resilience and motivation between male treatment group and female treatment group compared to control group, however there was no significant difference in post-test of resilience and motivation between male treatment group and female treatment group. In conclusion, the results of the study showed that BKCTRT was found to be effective in increasing resilience and motivation among male and female treatment groups compared to the control group. Implications of the study show that BKCTRT intervention can be used as a guide for Guidance and Counselling Teachers to increase resilience and motivation among students of divorced parents who have problems at school.*





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv



### BAB 1

<b>PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Isu Keruntuhan Institusi Kekeluargaan	2
1.2.2 Isu penceraian dari sudut pandang CTRT	2
1.2.3 Kesan penceraian ke atas psikologi anak-anak	3
1.2.4 Kajian-kajian membuktikan mangsa penceraian rendah daya tahan	4
1.2.5 Kajian-kajian membuktikan mangsa penceraian rendah motivasi	6
1.2.6 Kepentingan membina modul rawatan untuk mangsa penceraian	8
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.3.1 Statistik Penceraian	10
1.3.2 Statistik Jabatan Kehakiman Malaysia	10
1.3.3 Kajian tahap daya tahan dalam anak-anak mangsa cerai	11
1.3.4 Kajian tahap motivasi dalam anak-anak mangsa cerai	11





1.3.5 Kajian rawatan CTRT untuk pelajar-pelajar mangsa penceraian	13
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	19
1.7 Hipotesis Kajian	20
1.8 Kesignifikanan Kajian	21
1.8.1 Kepentingan kepada Amalan Bidang Kaunseling	21
1.8.2 Kepentingan kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling	22
1.8.3 Kepentingan kepada Pihak Ibu Bapa	23
1.9 Definisi Konsep dan Operasional	24
1.9.1 Definisi Bimbingan Kelompok	24
1.9.1.1 BKCTRT	26
1.9.1.2 Tentatif Minggu 1	29
1.9.1.2 Tentatif Minggu 2	30
1.9.1.2 Tentatif Minggu 3	31
1.9.2 Definisi Daya Tahan	32
1.9.3 Definisi Motivasi	34
1.9.4 Definisi Pelajar Ibu Bapa Bercerai	36
1.9.5 Definisi Modul Bimbingan Kelompok CTRT	37
1.10 Limitasi Kajian	37
1.10.1 Usia Subjek Kajian	37
1.10.2 Bilangan Subjek	38
1.10.3 Kategori sekolah	38
1.10.4 Kaedah Pelaksanaan	38
1.11 Rumusan Bab	39
 <b>BAB 2</b>	40
<b>PENDEKATAN TEORI &amp; TINJAUAN LITERATUR</b>	40
2.1 Pendahuluan	40
2.2 Pendekatan Teori	41
2.3 Teori Pilihan dan Terapi Realiti (CTRT)	41





2.3.1 <i>Basic Needs</i>	43
2.3.2 <i>Negotiation</i>	45
2.3.3 <i>Quality World</i>	46
2.3.4 <i>Total Behaviour</i>	47
2.3.5 Perspektif daya tahan dari sudut CTRT	48
2.3.6 Perspektif motivasi dari sudut CTRT	53
2.4 Model Bimbingan Kelompok Lima Langkah (MBKLL)	58
2.5 Kajian-kajian Literatur	58
2.5.1 Kajian berkaitan daya tahan	58
2.5.2 Kajian berkaitan motivasi	65
2.5.3 Kajian kesan CTRT terhadap daya tahan	68
2.5.4 Kajian kesan CTRT terhadap motivasi	73
2.6 Rumusan	77

### BAB 3

	78
--	----

#### METODOLOGI KAJIAN

	78
--	----

3.1 Pengenalan	78
3.2 Reka Bentuk Kajian Eksperimen	79
3.3 Kajian Rintis	85
3.3.1 Menguji Kesahan Kandungan modul	87
3.3.2 Nilai kesahan kandungan sub modul CTRT	87
3.3.3 Nilai kesahan kandungan modul CTRT secara keseluruhan	89
3.4 Lokasi Kajian	91
3.5 Pemilihan subjek kajian untuk eksperimen	92
3.6 Soal Selidik	95
3.6.1 Soal Selidik Daya Tahan (SDT)	95
3.6.2 Inventori Motivasi Penyertaan (PMI)	96
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	96
3.7.1 Skala Daya Tahan (SDT)	97
3.7.1.1 Kesahan Skala Daya Tahan	97
3.7.1.2 Kebolehpercayaan Skala Daya Tahan	99





3.7.2 Inventori Motivasi Penyertaan (PMI)	100
3.7.2.1 Kesahan Inventori Motivasi Penyertaan	100
3.7.2.2 Kebolehpercayaan Inventori Motivasi Penyertaan	103
3.8 Prosedur menjalankan kajian	104
3.9 Kaedah Pemarkatan	107
3.9.1 Skala Daya Tahan	107
3.9.2 Inventori Motivasi Penyertaan	108
3.10 Analisis Data	108
3.11 Pengujian Hipotesis	109
3.12 Tahap dalam BKCTRT	111
3.12.1 Senarai Aktiviti Keseluruhan BKCTRT	107
3.13 Rumusan Bab	107
	115

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN



4.1 Pendahuluan	116
4.2 Latar belakang demografi subjek kajian	117
4.3 Latar belakang kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	119
4.4 Hasil analisis deskriptif kesan rawatan terhadap daya tahan dan motivasi kumpulan rawatan dan kawalan	121
4.5 Hasil analisis inferensi kesan rawatan terhadap daya tahan dan motivasi dalam kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan	125
4.6 Analisis statistik hasil kajian pengajian hipotesis (MANCOVA)	143
4.7 Rumusan	190

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	191
5.2 Rumusan Kajian	192
5.3 Kesan BKCTRT ke atas pemboleh ubah terikat	194





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

5.3.1 Kesan BKCTRT ke atas Daya Tahan	195
5.3.2 Kesan BKCTRT ke atas Motivasi	201
5.4 Implikasi dan Sumbangan Kajian	201
5.4.1 Implikasi kepada keilmuan kaunseling dan teori	201
5.4.2 Implikasi kepada perkhidmatan Kaunseling di sekolah	209
5.4.3 Implikasi kepada bidang pendidikan	210
5.5 Masalah menjalankan kajian	211
5.6 Saranan menjalankan kajian pada masa akan datang	213
5.7 Rumusan	215
<b>6.0 RUJUKAN</b>	216
<b>7.0 LAMPIRAN</b>	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Tentatif Pelaksanaan BKCTRT minggu pertama	29
1.2 Tentatif Pelaksanaan BKCTRT minggu kedua	30
1.3 Tentatif Pelaksanaan BKCTRT minggu ketiga	31
3.1 Reka Bentuk Kuasi-Eksperimental BKCTRT ke atas pelajar mangsa penceraian	82
3.2 Nilai kesahan sesi dan aktiviti BKCTRT berdasarkan penilaian pakar	87
3.3 Nilai kesahan kandungan BKCTRT berdasarkan penilaian panel pakar	90
3.4 Bilangan subjek mengikut kelompok dan jantina	94
3.5 Bilangan subjek mengikut umur	94
3.6 Sub skala Soal Selidik Daya Tahan	95
3.7 Sub skala Soal Selidik PMI	96
3.8 Nilai kesahan soal Selidik Daya Tahan	97
3.9 Nilai kebolehpercayaan soal selidik Skala Daya Tahan	100
3.10 Nilai kesahan Inventori Motivasi Penyertaan	101
3.11 Nilai kebolehpercayaan Inventori Motivasi Penyertaan	103
3.12 Jadual Pengujian Hipotesis	110
3.13 Kandungan Aktiviti BKCTRT	111
3.14 Jadual Pelaksanaan Rawatan BKCTRT Minggu 1	112
3.15 Jadual Pelaksanaan Rawatan BKCTRT Minggu 2	113
3.16 Jadual Pelaksanaan Rawatan BKCTRT Minggu 3	114
4.1 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jantina	117
4.2 Taburan kekerapan dan peratusan mengikut umur	117
4.3 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status penjagaan.	118
4.4 Taburan kekerapan dan bilangan kumpulan berdasarkan jenis kumpulan	119
4.5 Taburan kekerapan dan peratusan kumpulan berdasarkan jantina	120
4.6 Taburan kekerapan dan peratusan kelompok berdasarkan menengah atas dan menengah bawah	120
4.7 Ringkasan analisis deskriptif skor min pra ujian dan pos ujian daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	121
4.8 Ringkasan analisis deskriptif skor min pra ujian dan pos ujian sub konstruk daya tahan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	122





4.9	Ringkasan analisis deskriptif skor min pra ujian dan pos ujian sub konstruk motivasi antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	124
4.10	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian daya tahan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	125
4.11	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian motivasi antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	127
4.12	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian sub konstruk daya tahan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	132
4.13	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian sub konstruk motivasi antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan	134
4.14	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian daya tahan antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan	137
4.15	Ringkasan analisis Inferensi skor min pra ujian dan pos ujian motivasi antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.	141
4.16	Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian Daya Tahan ke atas pelajar ibu bapa bercerai kumpulan rawatan lelaki, rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.	143
4.17	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan	144
4.18	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan.	147
4.19	Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian sub konstruk Daya Tahan ke atas pelajar ibu bapa bercerai kumpulan rawatan lelaki, rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.	149
4.20	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan Kekuatan Diri pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan.	150
4.21	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan Mengurus Diri pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan.	153
4.22	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan Emosi pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan	155





	Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan.	
4.23	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan Optimis pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan.	158
4.24	Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian sub konstruk Motivasi ke atas pelajar ibu bapa bercerai bagi kumpulan rawatan lelaki, rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.	160
4.25	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Motivasi Intrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan	161
4.26	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Motivasi Ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan, dan Kumpulan Kawalan	164
4.27	Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian Daya Tahan dan Motivasi ke atas pelajar ibu bapa bercerai kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan	166
4.28	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Daya Tahan pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah .	167
4.29	Ringkasan Post Hoc Perbezaan Motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas..	169
4.30	Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian sub konstruk daya tahan ke atas pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.	172
4.31	Ringkasan Post Hoc Perbezaan DTKD pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.	173
4.32	Ringkasan Post Hoc Perbezaan DTMD pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas. Ringkasan Post Hoc perbezaan motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.	176
4.33	<i>Ringkasan Post Hoc Perbezaan DTE pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan</i>	179





	<i>menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.</i>	
4.34	<i>Ringkasan Post Hoc Perbezaan DTO pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.</i>	182
4.35	<i>Ringkasan Analisis MANCOVA Pra ujian dan Pos Ujian sub konstruk Motivasi ke atas pelajar ibu bapa bercerai kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas</i>	184
4.36	<i>Ringkasan Post Hoc Perbezaan MI pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.</i>	185
4.37	<i>Ringkasan Post Hoc Perbezaan ME pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas, kumpulan kawalan menengah bawah dan kumpulan kawalan menengah atas.</i>	188





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI RAJAH

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

1.1	Statistik Kes Cerai di Malaysia dari tahun 2010-2017	10
2.1	Aplikasi Teknik dalam Terapi Realiti	56
2.2	Model Bimbingan Kelompok Lima Langkah.	60
3.1	Proses reka bentuk pra ujian dan pos ujian	83
3.2	Prosedur sewaktu menjalankan kajian	106



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii



## SENARAI SINGKATAN

MANCOVA	<i>Multivariate Analysis</i>
CTRTR	<i>Choice Theory Reality Therapy</i>
IRIBB	Inventori Remaja Ibu Bapa Bercerai
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PMI	<i>Participation Motivation Inventory</i>
WDEP	<i>Want, Doing, Evaluate, Planning</i>
SDT	Skala Daya Tahan



APA	<i>American Psychological Association</i>
DT	Daya Tahan
MI	Motivasi Intrinsik
ME	Motivasi Ekstrinsik
DTE	Daya Tahan Emosi
DTO	Daya Tahan Optimis
DTKD	Daya Tahan Kekuatan Diri
DTMD	Daya Tahan Mengurus Diri
BKCTRTR	Bimbingan Kelompok Choice Theory Reality Therapy
ASCA	<i>American School Counsellor Association</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xiv

## SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan Peringkat Sarjana
- B Kelulusan menjalankan kajian di sekolah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD)
- C Skala Daya Tahan (SDT)
- D Inventori Motivasi Penyertaan (PMI)
- E Modul Bimbingan Kelompok Daya Tahan Motivasi
- F Analisis Data Bagi Hipotesis Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
1

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan.

Bab ini menerangkan perkara asas kajian yang meliputi pengenalan secara ringkas tentang masalah yang dikaji, latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, definisi pemboleh ubah kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan rumusan kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian.

Saban hari di dada-dada akhbar memaparkan polemik keruntuhan institusi kekeluargaan. Walhal, menurut Mahathir (2012) untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berdasarkan acuan sendiri, terdapat sembilan cabaran yang perlu diatasi, salah satunya ialah membentuk masyarakat penyayang, melalui pembinaan sistem kekeluargaan yang kukuh. Walau bagaimanapun, realitinya hingga hari ini negara masih bergelut untuk membina sistem kekeluargaan yang utuh. Buktinya, menurut statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah (2016), mendapati bahawa purata kes penceraian di Malaysia ialah sebanyak 156 kes sehari. Statistik ini jelas membuktikan bahawa sistem kekeluargaan di negara kita, masih lagi rapuh meskipun kita sudah sampai ke tahun 2020.



Menurut Nurul Syuhaida (2017), ramai pasangan memilih untuk bercerai kerana beranggapan penceraian merupakan jalan penyelesaian yang paling mudah. Hal ini kerana mereka tidak perlu lagi berhadapan konflik antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, tanpa mereka sedari penceraian akan menjadi sejarah hitam dalam hidup anak-anak yang akan terkesan sepanjang hidup. Jika dilihat isu penceraian ini berdasarkan perspektif Teori Pilihan dan Terapi Realiti (CTRT), Glasser (1998), menyatakan bahawa individu akan bermasalah sekiranya dia tidak mendapat apa yang dia inginkan (*want*). Dalam buku yang bertajuk *A New Psychological Approach*, Glasser menyatakan dalam diri manusia, terdapat lima *basic needs* (*want*) yang perlu dipenuhi dalam satu-satu masa iaitu kehendak ingin disayangi dan dihargai (*love and*





*belonging*), keinginan berseronok (*fun*), keinginan kebebasan dalam melakukan sesuatu (*freedom*), keinginan mandiri (*survival*) atau keinginan dihargai (*power*).

Dalam situasi yang dihadapi oleh anak-anak mangsa penceraian ibu bapa, Glasser (1998) mendapati bahwa kebanyakan anak-anak ini, tidak mendapat kepuasan *love and belonging* sepenuhnya dari apda ibu dan bapa setelah penceraian berlaku (Glasser, 1998). Hal ini demikian kerana setelah penceraian terjadi ibu dan bapa tidak lagi akan tinggal sebumbung, malah mereka hanya akan berpeluang berjumpa dihujung minggu sahaja. Lebih teruk lagi, ada yang langsung tidak akan berjumpa dengan salah seorang ibu atau ayah setelah penceraian berlaku. Hal ini kerana pasangan yang menjaga anak-anak kadang kala, tidak akan membenarkan anak-anak mereka berjumpa lagi dengan ibu atau ayah yang tidak menjaga mereka (Norhayati & Zaidah, 2016).



Selain itu, menurut Muhamat Hamzah (2016) ada anak-anak yang lebih malang lagi kerana mereka ditinggalkan bersama dengan datuk dan nenek. Hal ini demikian kerana ibu dan ayah mula sibuk dengan kehidupan sendiri. Malah ada dalam kalangan mereka, tidak lagi mengambil peduli soal hati dan perasaan anak-anak, setelah bercerai dengan pasangan. Bukan itu sahaja, bahkan ada pasangan yang bercerai, sanggup mengagih-agihkan anak-anak mereka kepada orang lain untuk dijaga. Kesannya, anak-anak ini akan terpisah dengan adik-beradik kandung sendiri. Berdasarkan senario yang dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa *basic needs* utama yang tidak dapat dipenuhi oleh anak-anak mangsa penceraian berdasarkan Teori CTRT ialah *love and belonging*. Contohnya, apabila anak-anak mangsa penceraian melihat rakan-rakan mereka bercuti





dengan keluarga mereka, anak-anak ini akan mula rasa sedih dan terpinggir kerana tidak lagi dipedulikan oleh ibu dan ayah.

Menurut Glasser (1998) dan Wubolding (2011), apabila seseorang itu, tidak mendapat apa yang mereka inginkan, ia akan menyebabkan satu konflik yang amat besar di dalam dirinya. Hal ini kerana dalam diri setiap individu, ada satu keinginan yang kuat dipanggil sebagai dunia kualiti (*Quality World*). Apabila keinginan-keinginan ini, tidak terjadi seperti yang mana yang dipersepsikan (*Perceive World*) di alam realiti (*reality world*), maka ia akan mempengaruhi tingkah laku seseorang (*total behaviour*).



menunjukkan tingkah laku negatif seperti memprotes, bersifat agresif malah ada dalam kalangan mereka cenderung bertingkah laku langsang kerana tidak mendapat apa yang diinginkan. Walau bagaimanapun, menurut Ahmad Jazimin (2012), dalam CTRT kesan tingkah laku yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk kepada perbuatan namun bersifat lebih menyeluruh (*total behaviour*) merangkumi kesan psikologikal, kesan emosi dan akhirnya mampu mempengaruhi fiologi seseorang. Hasil penelitian ke atas kajian-kajian lepas terhadap isu penceraian, pengkaji mendapati bahawa kesan psikologi-anak-anak mangsa penceraian, merupakan kesan yang paling banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Misalnya, dalam kajian Schaan & Vogele (2016) yang mengkaji tahap daya tahan dalam kalangan anak-anak mangsa penceraian, mendapati bahawa anak-anak





mangsa penceraian berhadapan lebih banyak masalah psikologi, berbanding dengan anak-anak yang bukan daripada keluarga yang bercerai-berai. Dapatan kajian juga mendapati bahawa 66 orang daripada 199 subjek kajian yang memiliki daya tahan yang rendah adalah dalam kalangan anak-anak yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa.

Selain itu, dapatan kajian Yunus & Sefa (2014) turut merumuskan bahawa anak-anak mangsa penceraian menghadapi masalah rendah daya tahan diri. Pengkaji telah mengkaji hubungan antara daya tahan dengan perasaan kesunyian dalam kalangan 144 pelajar sekolah menengah di Turki. Pengkaji mendapati bahawa masalah psikologikal rendah daya tahan, merupakan masalah utama dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian, bukan sahaja memiliki daya tahan diri yang rendah, malah mereka juga berhadapan dengan masalah kurang sokongan akan sebaya, kurang perasaan empati dalam diri, rasa sukar untuk diterima oleh orang lain malah kurang mendapat sokongan daripada ahli keluarga sendiri.

Yuni Kartika (2017) juga telah mengkaji fenomena anak-anak mangsa penceraian dan kematian ibu bapa di Indonesia. Kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk memahami sejauh mana daya tahan, mempengaruhi kehidupan pelajar-pelajar yang kematian ibu bapa dan juga berhadapan penceraian ibu bapa mereka. Hasil kajian mendapati bahawa anak-anak mangsa penceraian memiliki daya tahan yang lebih rendah, berbanding pelajar-pelajar yang kematian ibu bapa. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian akan menunjukkan karakter yang lebih negatif berbanding mereka yang kematian ibu atau bapa, seperti rendah konsep kendiri,





lebih mudah stres dan kurang sokongan akan-rakan. Kajian ini merumuskan, penceraian mendatangkan implikasi jauh lebih negatif berbanding kematian ibu atau bapa.

Selain masalah psikologi rendah daya tahan diri, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian juga menghadapi masalah rendah motivasi diri. Igbinosa (2018) telah mengkaji pengaruh penceraian terhadap motivasi dan perkembangan personaliti. Kajian ini melibatkan 200 pelajar-pelajar sekolah menengah mangsa penceraian di Nigeria. Hasil kajian mendapati bahawa 198 orang daripada 200 orang pelajar mangsa penceraian ini, memiliki motivasi diri yang sangat rendah. Dapatkan kajian juga mendapati bahawa penceraian ibu bapa mereka menyababkan mereka sering kali rasa tertekan, dan emosi sering kali tidak stabil apabila duduk di rumah.



Potter & Morris (2017), turut mengkaji sejauh mana penceraian mempengaruhi motivasi anak-anak di sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang mulanya memiliki keluarga yang harmoni akan bermotivasi tinggi di sekolah. Walau bagaimanapun, apabila keluarga mereka mula menghadapi krisis penceraian, motivasi mereka untuk belajar dan hadir ke sekolah akan turut menurun. Malah, kajian mendapati bahawa impak setelah penceraian berlaku adalah jauh lebih besar. Anak-anak mangsa penceraian, tidak lagi dapat memberikan tumpuan di dalam kelas kerana fokus mereka sering kali terganggu memikirkan masalah di rumah. Kajian mereka juga mendapati bahawa anak-anak mangsa penceraian mula menunjukkan perubahan sikap seperti tidak menyelesaikan kerja rumah yang diberi oleh guru kerana tidak ingin duduk





di rumah dan ponteng sekolah sebagai tanda protes tidak bersetuju dengan tindakan ibu dan bapa mereka.

Malik & Asif (2018), mengkaji hubungan antara motivasi dengan hubungan kekeluargaan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini melibatkan 400 pelajar sekolah menengah di Pakistan terdiri daripada lapan buah sekolah di daerah berbeza. Soal selidik yang mengandungi 20 item telah diedarkan kepada pelajar untuk mengukur tahap motivasi dan pengaruh keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian, memiliki motivasi yang jauh lebih rendah berbanding dengan pelajar yang mempunyai keluarga yang harmoni. Kajian menyimpulkan bahawa, semakin akrab hubungan kekeluargaan, semakin tinggi motivasi anak-anak untuk belajar di sekolah.



Teori CTRT percaya apabila individu yang bermasalah ini tidak diberikan rawatan, untuk memulihkan semula tingkah laku keseluruhannya, maka mereka mungkin akan mula membentuk identiti gagal (Ahmad Jazimin, 2012). Menurut Glasser (1998), setiap individu mempunyai pilihan dan mereka perlu bertanggungjawab dalam setiap pilihan yang dibuat di dalam hidupnya. Dalam menangani isu anak-anak penceraian ini, Nur Afifi (2015) menyatakan kaunselor perlu memainkan peranan yang sangat penting untuk membantu anak-anak mangsa penceraian agar dapat membuat pilihan-pilihan yang lebih baik dalam hidupnya. Dalam Teori CTRT percaya jika rawatan yang efektif dapat diberikan kepada individu yang bermasalah, klien akan dapat berkembang dengan lebih baik untuk membina identiti jaya.





Love Nwamandi (2018) telah mengkaji motivasi dan daya tahan dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian dan implikasi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Afrika. Beliau mencadangkan agar kaunselor hendaklah membangunkan rawatan-rawatan khusus untuk meningkatkan motivasi dan daya tahan dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian di sekolah. Hal ini kerana, beliau mendapati bahawa anak-anak mangsa penceraian memerlukan perhatian yang lebih berbanding pelajar-pelajar yang lain.

Malah beliau merumuskan bahawa, sekiranya unit bimbingan dan kaunseling berjaya membangunkan rawatan-rawatan yang efektif ke atas pelajar-pelajar mangsa penceraian, banyak masalah sosial seperti aktiviti jenayah dapat dihentikan kerana kebanyakan jenayah sebenarnya bermula dengan tingkah laku delikuensi oleh pelajar-pelajar sejak di bangku sekolah. Pengkaji lain seperti Nor Afifi (2015), turut menegaskan betapa pentingnya membangunkan rawatan khususnya untuk pelajar-pelajar mangsa penceraian. Hal ini demikian kerana pelajar-pelajar mangsa penceraian, boleh bertindak di luar jangkaan seperti mencederakan orang lain dan berisiko tinggi untuk bunuh diri berbanding rakan-rakan lain, yang memiliki keluarga yang harmoni.






### 1.3 Pernyataan Masalah.

Masyarakat umumnya mengetahui bahawa pembentukan sebuah keluarga yang harmoni mampu menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan peribadi anak-anak. Malah anak-anak merupakan kain putih yang perlu dibentuk kerana mereka merupakan cerminan ibu bapa di rumah. Sehubungan dengan itu pelbagai inisiatif telah diambil sama ada berbentuk pencegahan, pendidikan, perundangan dan rawatan oleh pihak berwajib bagi memastikan pembentukan keluarga Islam terus utuh, kerana keruntuhan rumah tangga boleh mendatangkan banyak kesan negatif terhadap anak-anak. Keruntuhan keluarga bukan sahaja mendatangkan kesan pada sesebuah keluarga, bahkan penceraian boleh menimbulkan banyak masalah sosial dalam kalangan masyarakat.



Scenario ini amat membimbangkan kerana gejala penceraian saban tahun menunjukkan bilangan yang semakin ramai. Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (2019), menunjukkan seramai 49, 965 pasangan bercerai pada tahun 2017. Dalam tempoh lapan tahun 2010 hingga 2017 sebanyak 386,539 pasangan Islam Malaysia bercerai. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016), secara purata terdapat 156 pasangan Islam bercerai setiap hari.





Rajah 1.1: Statistik Kes Cerai di Malaysia (2010-2017) dari Jabatan Kehakiman Syariah (2018).

Isu penceraian ini bukanlah hal yang boleh dipandang remeh kerana penelitian terhadap kajian-kajian lepas, mendapati bahawa penceraian boleh menyebabkan masalah psikologi terhadap anak-anak. Misalnya, kajian tinjauan telah dilaksanakan oleh Schaan (2016) yang mengkaji daya tahan dan kesan penceraian ibu bapa dalam tempoh jangka panjang di German. Kajian ini melibatkan seramai 199 pelajar-pelajar berusia bawah usia 18 tahun. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang tinggal di German (58.9%) dan di Luxembourg (34.5%). Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian ini memiliki daya tahan diri yang rendah ( $M=5.08$ ,  $SD= 0.94$ ) berbanding dengan pelajar yang tidak pernah berhadapan penceraian ibu bapa dengan nilai ( $M=5.41$ ). Kajian merumuskan bahawa, daya tahan dalam kalangan anak-anak mangsa penceraian adalah lebih rendah berbanding daya tahan anak-anak yang memiliki keluarga yang harmoni.



Selain itu, pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa anak-anak mangsa penceraian yang rendah daya tahan sering kali menunjukkan sifat-sifat negatif. Misalnya, Doll & Carol (2013) yang mengkaji kepentingan daya tahan terhadap anak-anak mangsa penceraian, mendapati bahawa pelajar-pelajar rendah daya tahan diri berisiko terlibat dengan gejala dilikuensi, berpencapaian akademik yang rendah, bermasalah dalam pembelajaran, berisiko bermasalah dalam kesihatan mental, mempunyai masalah dalam hubungan kekeluargaan, berhenti sekolah dan bermasalah dalam perhubungan sosial. Menurut Noran Fauziah et. al (2009), hal ini demikian kerana pelajar-pelajar mangsa penceraian sering kali berfikir dengan cara yang salah dan akhirnya menyebabkan tingkah laku mereka bermasalah.



Amato (2012) dalam kajiannya turut membuat kesimpulan yang sama iaitu pelajar-pelajar mangsa penceraian sering kali mengalami masalah rendah daya tahan diri. Implikasinya anak-anak ini sukar untuk menyesuaikan diri dalam perhubungan, sukar untuk meningkatkan pencapaian dalam pelajaran, bermasalah untuk membina konsep kendiri positif, sering kali bertingkah laku langsang, bermasalah dalam perhubungan dengan orang lain dan sukar menyesuaikan diri dengan tempat baru.

Selain masalah psikologi rendah daya tahan diri, beberapa pengkaji lain mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian ibu bapa juga, mengalami masalah psikologikal rendah motivasi diri. Misalnya, Malik & Asif (2018) telah mengkaji hubungan antara motivasi dengan pengaruh hubungan kekeluargaan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah. Kajian melibatnya 400 orang pelajar daripada 8 buah sekolah di Pakistan. Kajian merumuskan bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian





memiliki motivasi yang lebih rendah berbanding pelajar-pelajar yang memiliki keluarga yang harmoni.

Dapatan ini turut disokong oleh dapatan kajian Mustafa (2018) yang mengkaji kesan hubungan kekeluargaan yang harmoni terhadap motivasi dalam kalangan pelajar di Arab Saudi. Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan ke atas 727 pelajar di Universiti Raja Fad. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang memotivasi pelajar untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang ialah sokongan keluarga yang positif dan keinginan yang kuat untuk mencapai kejayaan. Kajian juga merumuskan, pelajar-pelajar bukan dalam kalangan mangsa penceraian keluarga, menunjukkan motivasi yang lebih tinggi iaitu 38% berbanding pelajar mangsa penceraian yang hanya memiliki 2.5% motivasi dalam diri.



Selain itu, pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa pelajar-pelajar mangsa penceraian, yang memiliki motivasi diri yang rendah akan menunjukkan banyak sifat negatif. Rowell & Hong (2013), dalam kajiannya mendapati pelajar-pelajar mangsa penceraian rendah motivasi diri akan menunjukkan sifat seperti hilang minat belajar, mempunyai konsep kendiri yang rendah, sering melakukan masalah disiplin, tidak mempunyai efikasi kendiri, mempunyai masalah dalam pembelajaran, mempunyai persepsi yang negatif terhadap pelajaran dan keciran sekolah dan sering melakukan kesalahan sahsiah dan disiplin. Rowell & Hong (2013) turut merumuskan bahawa majoriti dalam kalangan pelajar-pelajar yang tidak bermotivasi ke sekolah adalah berpunca daripada terkesan dengan penceraian ibu bapa.





Sehubungan dengan itu, Nor Afifi (2015) menegaskan rawatan melibatkan aspek psikologi perlu diberi perhatian yang serius, khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa. Hal ini demikian kerana jika mereka tidak mendapat rawatan sejak peringkat permulaan, masalah ini akan membawa kepada penyakit mental yang lebih serius seperti *depressive disorder*, *dysthymic disorder*, *bipolar disorder* dan *cyclothymic disorder*. Tambah beliau, pembangunan rawatan seperti sesi kaunseling dan pembangunan modul perlu dipergiatkan lagi oleh pengkaji pada masa akan datang khususnya menggunakan pendekatan Teori CTRT. Nor Afifi (2015), mencadangkan pendekatan CTRT adalah kerana Glasser (1998) yang merupakan Ketua Psikiatri di Venture School telah berjaya merawat ramai remaja perempuan mengalami masalah kesihatan mental menggunakan pendekatan CTRT.



Selain Glasser (1998) sendiri yang berjaya membuktikan CTRT berupaya meningkatkan kesejahteraan diri dan mental, beberapa pengkaji terkini turut berjaya menggunakan pendekatan CTRT untuk merawat masalah rendah daya tahan dan motivasi dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian. Misalnya, Narjes et al (2013), mendapati bahawa Teori CTRT berkesan meningkatkan daya tahan dalam kalangan wanita-wanita yang diceraikan oleh suami. Selain itu, kajian Maryam & Hassan (2016), turut berjaya membuktikan bahawa bimbingan kelompok menggunakan pendekatan CTRT di Iran berjaya meningkatkan daya tahan dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian.

Selain keberkesanan teori CTRT dalam merawat isu rendah daya tahan diri,

beberapa kajian membuktikan bahawa Teori CTRT juga berupaya meningkatkan





motivasi. Mulawarman (2018), dalam kajiannya mendapati bahawa penggunaan Terapi Realiti berkesan meningkatkan motivasi intrinsik dalam kalangan anak-anak mangsa penceraian. Sareh et. al (2016) dalam kajiannya juga mendapati bahawa Teori CTRT berkesan meningkatkan motivasi dan meningkatkan kaedah menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar mangsa penceraian. Selanjutnya, Sunawan & Junmei Xiong (2016), dalam kajiannya mendapati bahawa modul CTRT berkesan meningkatkan motivasi pelajar-pelajar mangsa penceraian setelah menjalani tiga kali sesi rawatan.

Meskipun, rawatan modul-modul CTRT telah berjaya dibangunkan di luar negara dan didapati berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan diri dan mental khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa penceraian, realitinya di Malaysia menurut Nor Afifi (2015) kajian-kajian pembangunan modul-modul CTRT amatlah kurang dan terhad. Beberapa pengkaji telah berjaya membangunkan modul CTRT seperti Ahmad Jazimin et. al (2012) yang membangunkan Modul Kaunseling Individu CTRT dan Nor Afiri (2015) telah berjaya membangunkan Modul Kaunseling Kelompok CTRT. Walau bagaimanapun, modul-modul yang berjaya dibangunkan adalah pendekatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok CTRT sahaja. Namun, modul pendekatan Bimbingan Kelompok CTRT masih terhad dan sukar ditemui untuk dijadikan rujukan. Walhal menurut Maryam & Hassan (2016), di luar negara pendekatan Modul Bimbingan Kelompok CTRT semakin giat dibangunkan untuk menangani isu-isu psikologi khususnya untuk merawat anak-anak mangsa penceraian.





Misalnya, Meriono et al (2017) telah mengkaji kesan pendekatan bimbingan kelompok ke atas ibu bapa penceraian di Sepanyol. Kajian intervensi ini dinamakan sebagai program Egokitzen untuk ibu bapa bercerai. Kajian ini melibatkan 27 pasangan selama 11 minggu. Dapatan menunjukkan bimbingan kelompok dapat mengurangkan konflik, keimbangan, kemurungan, dan stres dalam kalangan ibu bapa bercerai. Merino et al (2017) juga menyarankan kepada pengkaji akan datang agar membangunkan kaedah bimbingan kelompok khusus untuk anak-anak mangsa penceraian pula, kerana rawatan fokus untuk anak-anak mangsa penceraian masih lagi kurang dibangunkan. Tambahnya, pembangunan rawatan untuk mereka penting agar dapat membina kesejahteraan mental yang lebih baik.



Dalam usaha membangunkan modul-modul rawatan untuk pelajar-pelajar mangsa penceraian ini, Jamaludin (2012), menyatakan pembangunan sesuatu modul perlu melalui empat proses iaitu pembinaan, mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan, pengujian kesan dan yang terakhir menguji keberkesanannya. Jamaludin (2012) menegaskan sekiranya modul-modul yang dibangunkan tidak mengikut prosedur yang dinyatakan, maka modul tersebut tidak boleh diguna pakai. Sehubungan dengan itu, kajian pembinaan Modul Bimbingan Kelompok CTRT yang mengikut prosedur dan tatacara pembinaan modul yang betul perlu dijalankan untuk memenuhi keperluan dalam perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (UBK). Malah, kajian ini perlu dijalankan segera kerana menurut Nor Afifi (2015), sekiranya ada dalam kalangan anak-anak mangsa penceraian yang mengalami kecederaan psikologikal yang serius, namun tidak diberikan rawatan sebaik mungkin, mereka berisiko tinggi untuk mencederakan orang lain dan mungkin juga berisiko membunuh diri sendiri.





## 1.4 Tujuan Kajian.

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan Bimbingan Kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (BKCTRT) terhadap daya tahan dan motivasi pelajar melalui rawatan yang terancang. Di samping itu, kajian ini bertujuan melihat kesan BKCTRT terhadap sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri (DTKD), daya tahan mengurus diri (DTMD), daya tahan emosi (DTE), daya tahan optimis (DTO) dan sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik (MI) dan Motivasi Ekstrinsik (ME). Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan BKCTRT berdasarkan dua faktor moderator iaitu jantina (lelaki dan perempuan) dan peringkat persekolahan (menengah rendah dan menengah atas).



### 1.4.1 Tujuan Umum.

Kajian ini bertujuan menguji kesan Bimbingan Kelompok CTRT terhadap pemboleh ubah kajian iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi, daya tahan optimis, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Selain itu, kajian turut melihat kesan rawatan BKCTRT berdasarkan kumpulan jantina dan kumpulan menengah.





### 1.4.2 Tujuan Khusus.

Berdasarkan kepada tujuan umum di atas, maka tujuan khusus kajian ini adalah untuk melihat:

1.4.2.1 Kesan BKCTRT terhadap daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai berdasarkan pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.4.2.2 Kesan BKCTRT terhadap sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.4.2.3 Kesan BKCTRT terhadap sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.4.2.4 Kesan BKCTRT terhadap daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai berdasarkan pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

1.4.2.5 Kesan BKCTRT terhadap sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai berdasarkan pra ujian dan pos ujian kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

1.4.2.6 Kesan BKCTRT terhadap sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.





## 1.5 Objektif Kajian.

Berdasarkan kepada tujuan khusus di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk mengukur kesan Bimbingan Kelompok CTRT terhadap pelajar ibu bapa bercerai berdasarkan perbezaan ukuran:

1.5.1 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.5.2 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.5.3 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.5.4 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah daya tahan dan motivasi antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

1.5.5 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

1.5.6 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian

pemboleh ubah sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.





## 1.6 Persoalan Kajian.

Berdasarkan tujuan dan objektif di atas maka kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1.6.1 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

1.6.2 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

1.6.3 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian sub konstruk motivasi iaitu motivasi intirinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

1.6.4 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan?

1.6.5 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan?

1.6.6 Adakah terdapat perbezaan pra ujian dan pos ujian sub konstruk motivasi iaitu motivasi intirinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan?





## 1.7 Hipotesis Kajian.

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian di atas, terdapat lapan hipotesis alternatif ( $H_a$ ) kajian telah dibina. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.7.1 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian konstruk daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.7.2 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.7.3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

1.7.4 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian konstruk daya tahan dan motivasi pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

1.7.5 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian sub konstruk daya tahan iaitu daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, daya tahan emosi dan daya tahan optimis pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.





1.7.6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dengan pos ujian sub konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik pelajar ibu bapa bercerai antara kumpulan rawatan menengah bawah, kumpulan rawatan menengah atas dan kumpulan kawalan.

## 1.8 Kesignifikanan Kajian.

Matlamat kajian ini dijalankan untuk melihat Kesan BKCTR T terhadap daya tahan dan motivasi terhadap pelajar ibu bapa bercerai. Pengkaji amat prihatin untuk membangunkan dan memperkembangkan semula pelajar yang mempunyai masalah



Antara kepentingan kajian ini dilaksanakan ialah untuk mengkaji kaedah rawatan awal secara kelompok besar yang berkesan untuk diperaktikkan oleh guru Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini demikian kerana dengan nisbah 1 kaunselor bagi 500 pelajar yang masih dilaksanakan, menyebabkan kaunselor tidak berupaya untuk merawat semua pelajar sekiranya bergantung kepada sesi individu dan sesi kaunseling kelompok sahaja. Bukan itu sahaja, realiti di sekolah kaunselor semakin banyak melakukan kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran menyebabkan masa untuk memberikan intervensi semakin terhad. Dengan adanya pembangunan modul BKCTR T ini, diharap dapat dijadikan rawatan awal untuk membendung ia menjadi lebih parah.





Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memperkayakan pembangunan modul bimbingan kelompok yang berteraskan teori *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) yang masih lagi terhad. Dalam kajian-kajian lepas terdapat ramai pengkaji berjaya membuktikan bahawa teori CTRT berupaya untuk menangani masalah disiplin pelajar, kemurungan, stres, kesihatan mental, motivasi dan remaja berisiko. Dengan adanya kajian ini juga diharapkan dapat memperkayakan kajian berdasarkan model *kuasi experimental* dalam bidang kaunseling. Hasil kajian ini juga diharapkan boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk diteruskan untuk membangunkan kesejahteraan diri dan kesihatan mental.

Selanjutnya, kajian ini juga diharap dapat menyumbang sesuatu kepada penggubal-penggubal dasar negara khususnya untuk memberikan bantuan kepada pelajar yang menjadi mangsa perceraian ibu bapa. Hal ini kerana, kajian seperti ini dapat meningkatkan kesedaran kepada mereka yang berkenaan bahawa pelajar yang menjadi mangsa perceraian memerlukan intervensi khusus. Dengan adanya kajian ini diharap rawatan yang lebih efektif dapat diberikan supaya tingkah laku delikuensi dalam kalangan remaja berisiko dapat dibendung lebih awal. Oleh itu, kajian ini akan dapat membantu memberikan sudut pandang yang lebih holistik dalam pembangunan dasar-dasar pendidikan khususnya dan masyarakat amnya.

Kajian ini juga penting kepada pihak sekolah khususnya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk mengetahui kaedah rawatan alternatif yang efektif bagi menangani masalah psikologikal pelajar-pelajar sekolah. Hal ini kerana proses kesejahteraan mental bermula dari rumah melalui didikan ibu bapa dan dibentuk oleh



lingkungan masyarakat sekitar yang positif. Dengan adanya, jalinan kerjasama erat PIBG dapat memberikan kekuatan tambahan agar bukan hanya kaunselor, pengamal psikiatri, pengetua dan guru-guru sahaja yang bertindak untuk membentuk tingkah laku pelajar malah ia melibatkan semua pihak khususnya ibu bapa. Malah, ibu bapa juga akan lebih menyedari bahawa perceraian akan membawa banyak implikasi negatif terhadap perkembangan diri dan kesejahteraan mental anak-anak.

Di samping itu, melalui kajian ini para pelajar yang berhadapan dengan isu-isu perceraian ibu bapa mendapat kesedaran bahawa bukan mereka sendirian yang berhadapan situasi yang sukar seperti ini. Malah dalam kajian ini telah jelas menghuraikan bahawa isu ini dihadapi oleh remaja di seluruh dunia. Walau bagaimanapun yang paling mustahak ialah bagaimana mereka bangun semula (*bounce back*) untuk mencipta konsep kendiri yang positif. Oleh itu, dengan mereka berkumpul bersama akan memberikan kekuatan untuk mereka sama-sama bangkit mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Secara keseluruhannya, diharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada guru bimbingan dan kaunseling, kaunselor sekolah, motivator, agensi awam dan swasta dan individu yang berminat dalam bidang kesejahteraan diri dan mental untuk berhadapan dengan isu perceraian yang semakin membimbangkan. Diharapkan juga kajian ini dapat membuka jalan untuk memperkayakan lagi modul-modul bimbingan kelompok untuk merawat pelbagai jenis isu, kerana setiap masalah memerlukan kaedah rawatan tersendiri.

## 1.9 Definisi Konsep & Operasional.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengutarakan beberapa definisi konsep yang telah diberikan oleh beberapa pengkaji terdahulu untuk dijadikan rujukan dan definisi mengikut kajian ini bagi memudahkan pemahaman terhadap kajian kesan Bimbingan Kelompok CTRT ke atas daya tahan dan motivasi dalam kalangan pelajar ibu bapa bercerai.

### 1.9.1 Bimbingan Kelompok.

Dalam menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (UBK) di sekolah, terdapat dua kaedah rawatan iaitu rawatan secara individu dan rawatan secara berkelompok. Menurut Corey & Gladding (2016), terdapat beberapa jenis kelompok rawatan antaranya ialah kelompok psikoterapi (*psychotherapy group*), kaunseling kelompok (*counselling group*), bimbingan kelompok (*guidance group*), kelompok tugas (*task group*), kelompok bantu kendiri (*self-help group*) dan kelompok bantuan kerja (*brief group*).

Dalam kajian ini, pendekatan yang diguna pakai ialah bimbingan kelompok. Bagi memahami definisi bimbingan kelompok, kita boleh merujuk kepada beberapa definisi yang telah diberikan oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Menurut Holm et. al (2016), bimbingan kelompok adalah sebuah program berstruktur, yang bertujuan untuk memberikan maklumat mengenai sesuatu topik yang khusus, agar klien dapat dibimbing untuk bertindak balas terhadap masalah-masalah yang dihadapinya. Prashant



& Rishi (2017), menegaskan dalam pelaksanaan bimbingan kelompok yang efektif, kaedah rawatan ini mestilah dibangunkan secara sistematik, berstruktur dan sarat dengan maklumat untuk menangani sesuatu isu, supaya dapat klien dapat bimbingan dan panduan yang boleh diguna pakai untuk membolehkan dirinya berkembang dengan lebih positif.

Selain itu, Yusni (2015) mendefinisikan bimbingan kelompok merupakan salah satu pendekatan alternatif dalam proses menolong individu yang dilakukan secara berkumpulan. Ketua kelompok akan memberikan bimbingan dan panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam proses ini, rawatan yang dijalankan boleh dilaksanakan sama ada berbentuk pencegahan ataupun berbentuk perkembangan diri seseorang pelajar. Dari segi bilangan ahli kelompok, Yusni (2015) berpendapat aktiviti bimbingan kelompok boleh melibatkan antara 5 hingga 30 orang ahli dalam satu kumpulan besar. Dari segi teknik yang dijalankan, pendekatan yang boleh diguna pakai ialah melalui aktiviti secara berkumpulan (LDK), aktiviti modelling, aktiviti psiko pendidikan dan aktiviti main peranan secara bergilir-gilir mengikut kelompok-kelompok yang telah ditetapkan.

Mohammad Aziz Shah (2018) mendefinisikan bimbingan kelompok adalah aktiviti berkumpulan yang diguna pakai untuk peningkatan personal, perpindahan ilmu atau latihan kemahiran seperti kelompok peningkatan konsep kendiri, kematangan sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus masa, pencapaian akademik, kerjaya, kepimpinan dan sebagainya. Matlamat pelaksanaan bimbingan kelompok ialah berbentuk perkembangan, pencegahan dan pemulihian serta dapat menyumbang kepada perkembangan individu hasil daripada kelompok yang dinamik. Tambah beliau,



bimbingan kelompok boleh dilaksanakan oleh ahli psikologis, kaunselor, fasilitator atau sesiapa sahaja yang mempunyai kemahiran khusus mengikut pengisian bimbingan kelompok yang ingin dilaksanakan. Dari segi bilangan ahli, bimbingan kelompok boleh dilaksanakan sama ada dalam bentuk kelompok kecil (1 hingga 12 orang ahli), kelompok sederhana (30-40 ahli) manakala kelompok besar boleh dilaksanakan dengan jumlah peserta tanpa had.

Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan bimbingan kelompok ialah pendekatan menolong yang dilakukan secara berkumpulan, yang bertujuan untuk menarik minat pelajar-pelajar menjalani modul rawatan kaunseling. Dalam modul ini, pendekatan yang boleh diguna pakai ialah aktiviti bimbingan berinformasi, sama ada berbentuk latihan dinamika kumpulan (LDK), modelling, ceramah, psikodrama, penceritaan atau edaran lembaran yang bertujuan untuk membimbing pelajar mencapai objektif yang diharapkan. Bagi meningkatkan keberkesanan bimbingan kelompok, ketua kelompok boleh memberikan bimbingan dan panduan merujuk kepada terminologi-terminologi tertentu dalam teori CTRT seperti cara kerja sistem WDEP, *basic needs* yang memotivasi manusia, bagaimana individu bertingkah laku dalam sistem *total behaviours* dan pembinaan identiti berjaya, identiti gagal. Walau bagaimanapun, penyampaian hendaklah bersesuaian dengan tahap kefahaman peserta dan tidak terlalu mendalam. Dari segi jumlah peserta, bimbingan kelompok berkesan hendaklah melibatkan kumpulan kecil (satu hingga 10 orang) dan kumpulan besar melibatkan maksimum sehingga 100 orang dalam satu-satu masa bergantung juga pada keluasan dewan sewaktu aktiviti bimbingan kelompok dijalankan.

### 1.9.1.1 Bimbingan Kelompok Teori Pilihan dan Terapi Realiti (BKCTRT)

Dalam kajian ini, Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKCTRT) merupakan kaedah rawatan berpandukan Terapi Realiti merangkumi proses mengenal pasti kehendak (*Want*), berkeupayaan menilai tingkah laku (*Do*), membuat penilaian atau muhasabah diri (*Evaluation*) dan berupaya membuat perancangan-perancangan untuk mencapai matlamat yang diharapkan (*Planning*) (WDEP).

Dari segi bilangan peserta BKCTRT pengkaji telah menetapkan pemilihan ahli adalah dalam kalangan pelajar mangsa perceraian ibu bapa atas tujuan rawatan. Bilangannya adalah lebih ramai tidak seperti kaunseling kelompok yang mengandungi hanya 5 hingga 10 orang sebaliknya pengkaji telah meletakkan limitasi sehingga 60 orang ahli untuk tujuan kajian. Dalam kajian BKCTRT ini, intervensi dalam sesuatu aktiviti akan dilalui ialah 60 minit hingga 90 minit. Dalam sesuatu aktiviti, pengkaji telah memecahkan kepada dua bahagian iaitu aktiviti dalam kumpulan (LDK) kebiasaanya mengambil masa 30 minit hingga 1 jam dan slot bimbingan berbentuk ceramah selama 30 minit.

Tujuan LDK dilaksanakan terlebih dahulu adalah bertujuan untuk membina rapport antara peserta dengan fasilitator dan peserta dengan peserta yang lain. Bukan itu sahaja, bahkan LDK yang dibangunkan bersifat santai dan menarik adalah bertujuan untuk membolehkan fasilitator memasuki ruang rujuk peserta dengan lebih mudah tanpa perlu dipaksa. Ketika proses ini, fasilitator hendaklah menerima peserta tanpa syarat. Apabila wujudkan kejelekitan semakin baik, barulah aktiviti bimbingan dalam



bentuk ceramah, psikodrama dan penceritaan akan dimulakan selama 30 minit. Hal ini agak berbeza dengan pengkaji sebelum ini yang hanya menjadikan bimbingan kelompok sarat dengan aktiviti sahaja tanpa bimbingan yang berstruktur dan berinformasi. Secara keseluruhannya, dalam tempoh sehari jangka masa program ialah dari 8 jam iaitu bermula 8 pagi hingga 4.00 petang. Namun, rehat diberikan selama 30 minit pada jam 10.15 hingga 10.45 pagi dan satu jam pada jam 1.00 tengah hari hingga 2.00 petang. Secara keseluruhan dalam tempoh 8 jam BKCTRT dijalankan ia melibatkan 6 Aktiviti (Minggu 1), 6 Aktiviti (Minggu 2) dan 4 Aktiviti (Minggu 3).

Dalam kajian BKCTRT ini, terdapat 3 sesi yang akan dilalui oleh para peserta. 3 sesi ini akan dilalui selama sehari seminggu dengan 16 aktiviti. Pada sesi yang pertama, terdapat 6 aktiviti yang akan dilalui oleh para pelajar. Pemilihan 3 sesi sahaja dipilih agar tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam sesi 1 ia melibatkan 6 aktiviti, sesi 2 juga melibatkan 6 aktiviti dan sesi 3 pula melibatkan hanya 4 aktiviti.



### 1.9.1.2 Tentatif Modul Bimbingan Kelompok CTRT.

Pada minggu pertama, fasa yang akan dilalui oleh para pelajar ialah W: *Want, Needs and Perception* (Kehendak, keperluan dan Persepsi). Dalam minggu ini terdapat tujuh aktiviti yang akan dilalui oleh para peserta seperti mana jadual di bawah:

Jadual 1.1

*Tentatif pelaksanaan Bimbingan Kelompok CTRT pada minggu pertama.*

MASA	FASA CTRT	SESI	AKTIVITI BKCTR
8.00 – 8.15 Pagi	Membina Hubungan	1 (1)	Ice Breaking – Baby,Adik,Anja
8.15 – 8.45 Pagi	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 1: Kemampuanku
8.45 - 9.15 Pagi	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.2 – Panduan Teks Bimbingan
9.15 - 9.45 Pagi	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 2 : Selamatkanku
9.45 - 10.15 Pagi	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.4 : Panduan Teks Bimbingan
10.15 - 10.45			REHAT
10.45 - 11.30 Pagi	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 3: Persoalan Hidup
11.30 – 12.00 Tgh	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.6 - Panduan teks bimbingan
12.00 - 12.30 Tgh	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 4: Kekuatanku
12.30 – 1.00 Ptg	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.8 – Panduan Teks bimbingan
1.00 – 2.00 Ptg			REHAT
2.00 – 2.30 Ptg	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 5: Siapa harus jaga mama?
2.30 – 3.00 Ptg	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.10 – Panduan Teks Bimbingan
3.00 – 3.30 Ptg	Meneroka kehendak	2	Aktiviti 6: Keazamanku
3.30 – 4.00 Ptg	Meneroka kehendak	2	Rujuk Nota 2.12 – Panduan Teks Bimbingan



Pada minggu kedua, fasa yang akan dilalui oleh para pelajar ialah D: *Direction and Doing* (Arahan dan Melakukan) dan E: *Self Evaluation* (Penilaian Kendiri). Dalam minggu ini terdapat beberapa aktiviti yang akan dilalui oleh para peserta seperti mana jadual di bawah:

**Jadual 1.2**

*Tentatif pelaksanaan Bimbingan Kelompok CTRT pada minggu kedua.*

MASA	FASA CTRT	SESI	AKTIVITI BKCTR
8.00 – 8.30 Pagi	Membina Hubungan	1 (2)	Ice Breaking – Katak Kembung
8.30 – 9.30 Pagi	Arah dan tindakan	3	Aktiviti 7 : Bangkit Semula
9.30 – 10.00 Pagi	Arah dan tindakan	3	Rujuk Nota 3.2 – Panduan Teks bimbingan
10.00 – 10.30 Pagi			REHAT
10.30 – 11.00 Pagi	Arah dan tindakan	3	Aktiviti 8: Zero to Hero
11.00 – 11.30 Pagi	Arah dan tindakan	3	Rujuk Nota 3.4 – Panduan Teks Bimbingan
11.30 - 12.15 Pagi	Arah dan tindakan	3	Aktiviti 9 : Pilihan Hidup
12.15 - 1.00 Tengah hari	Arah dan tindakan	3	Rujuk Nota 3.6: Panduan Teks Bimbingan
1.00 – 2.00 Petang			REHAT
2.00 – 2.15 Petang	Penilaian Kendiri.	4	Aktiviti 10: Aku Hebat!
2.15 – 2.45 Petang	Penilaian Kendiri.	4	Rujuk Nota 4.2 – Panduan Teks Bimbingan
2.45 – 3.00 Petang	Penilaian Kendiri.	4	Aktiviti 11: Doa Terakhir
3.00 – 3.20 Petang	Penilaian Kendiri.	4	Rujuk Nota 4.4 – Panduan Teks Bimbingan
3.20 - 3.40 Petang	Penilaian Kendiri.	4	Aktiviti 12: Rantaian Kasih
3.40 – 4.00 Petang	Penilaian Kendiri	4	Nota 4.6 – Panduan Teks Bimbingan





Pada minggu ketiga, fasa yang akan dilalui oleh para pelajar ialah P: *Planning dan Commitment* (Perancangan dan komitmen). Dalam minggu ketiga ini terdapat beberapa aktiviti yang akan dilalui oleh para peserta seperti mana jadual di bawah.

### Jadual 1.3

*Tentatif pelaksanaan Bimbingan Kelompok CTRT pada minggu ketiga.*

Masa	Fasa CTRT	Sesi	Aktiviti dalam BKCTR
8.00 – 8.30 Pagi	Membina Hubungan	1 (3)	Ice Breaking Harimau- Pemburu-Hakim
8.30 – 8.30 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Aktiviti 13: Kemahiran Belajar HAYZI
8.30 - 9.30 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Rujuk Nota 5.2 – Panduan Teks Bimbingan
9.15 - 9..30 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Aktiviti 14: Impak Maksimum
9.30- 10.00 Pagi	Perancangan dan komitmen.		Rujuk Nota 5.4 – Panduan Teks Bimbingan
10.00- 10.30 Pagi			REHAT
10.30 – 11.00 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Aktiviti 15: Senarai Impian
11.00 - 11.30 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Rujuk Nota 5.6 – Panduan Teks Bimbingan
11.30 – 12.00 Pagi	Perancangan dan komitmen.	5	Aktiviti 16: Kau Boleh!
12.30 – 1.00 Tengah hari	Perancangan dan komitmen.	5	Rujuk Nota 5.8 – Panduan Teks Bimbingan
1.00 – 1.15 Petang			Kutipan data pasca program
1.15 – 1.30 Petang			Bersurai



### 1.9.2 Daya Tahan (*Resilient*).

Dalam kajian-kajian lepas, beberapa pengkaji telah memberikan definisi daya tahan dalam konteks psikologi dan kaunseling. Masten et. al (1992) daya tahan berasal dari perkataan yang secara etimologi nya daripada perkataan Latin iaitu *salire* yang bermaksud ‘*spring up* atau *come up*’ yang bermaksud muncul ke atas. Perkataan *salire* juga sama makna dengan perkataan ‘*resilire*’ yang bermakna pantul semula atau *spring back*. Perkataan ini menunjukkan keanjalan terhadap sesuatu. Oleh itu, daya tahan dianggap sebagai kebolehan dan keupayaan untuk pantul semula dan boleh bertahan walaupun dalam keadaan susah payah. Sementara Werner (1989), pula menyatakan bahawa individu yang memiliki daya tahan adalah individu yang memiliki keupayaan untuk bertahan memiliki sifat tabah, tidak lemah atau kebal.

Selain itu, menurut *American Psychological Association* (APA, 2011), daya tahan adalah kemampuan seseorang menghadapi proses-proses perubahan dalam hidup seperti bencana alam, trauma dan tragedi, keadaan yang mengancam, dan perkara-perkara yang menyebabkan tekanan dalam diri. Contohnya, masalah perceraian keluarga, masalah kesihatan yang serius, persekitaran di sekolah yang tidak menyokong dan masalah kewangan keluarga.

Daya tahan menurut Tusai & Dyer (2004) ialah bagaimana seseorang individu berhadapan dengan transisi perubahan. Dalam berhadapan transisi ini, sekiranya seseorang mempunyai daya tahan, mereka tidak akan terpengaruh dengan sifat-sifat yang negatif. Fatemah & Samsilah (2015) mendefinisikan daya tahan sebagai

kebolehan individu berhadapan dengan tekanan dan kepelbagaiannya namun pada masa sama mampu dapat mengekalkan sifat asal mereka tanpa terpengaruh dengan sifat negatif. Irmohizam & Muhammad Hussin (2016) mendefinisikan daya tahan ialah kemampuan diri untuk menyesuaikan diri yang tinggi saat berhadapan dengan tekanan dalam dan luaran serta membolehkan seseorang melawan pengaruh yang menghalang diri daripada mengalami kegagalan.

Sementara Beagha (2004), menjelaskan pelajar yang mempunyai daya tahan berhadapan dengan keadaan yang mengancam atau sifatnya yang berbahaya dalam diri individu seperti kecacatan, kemiskinan, bencana alam, perceraian dan mampu menyesuaikandirinya dengan keadaan yang menekan. Menurut Tan Yan Lee et. al (2013) pelajar yang memiliki daya tahan bukan sahaja mampu berhadapan dengan keadaan yang menekan dan mengancam ini, malah mereka mampu bangkit semula (*bounce back*) daripada keadaan yang dihadapi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Dalam kajian ini, daya tahan bermaksud keupayaan seseorang untuk berhadapan dengan kekurangan diri yang dilalui tanpa terpengaruh dengan persekitaran berisiko serta dapat mencabar diri untuk berkembang dengan lebih positif. Kekurangan dalam diri yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah mereka kehilangan ibu atau ayah atau adik-beradik dalam kehidupan bersama, setelah perceraian berlaku. Sementara, persekitaran berisiko termasuklah kes-kes yang dialami seperti kemiskinan, pengabaian, kurang upaya, mengalami masalah kecelaruan akademik, di timpa bencana alam, menghadapi penderaan fizikal atau mental, anak tidak sah taraf, mangsa buli, dan



trauma. Manakala, mencabar diri untuk berkembang merujuk kepada individu yang memiliki daya tahan tinggi tidak mudah tertekan dan terancam dengan keadaan yang menekan, sebaliknya menjadikan kekurangan sebagai asbab untuk membangkit semula kekuatan diri.

Daya tahan dalam kajian ini menggunakan Skala Daya Tahan (SDT) yang dibentuk oleh Araki (2000) dan diterjemahkan oleh Zaiton & Balan (2015). SDT menekankan keupayaan daya tahan kekuatan diri, mengurus diri, emosi dan sikap optimis apabila berhadapan dengan keadaan-keadaan yang disifatkan kekurangan dan faktor berisiko yang tinggi. Pembangunan empat unsur ini dalam diri pelajar akan dijadikan fokus utama dalam bimbingan kelompok supaya pelajar tidak mudah terancam dengan peristiwa-peristiwa hitam yang berlaku dalam hidupnya.



### 1.9.3 Motivasi.

Dalam kajian-kajian sebelum ini, pengkaji telah memberikan pelbagai definisi mengenai motivasi. Menurut Pintrich & Schunk, (2002) motivasi berasal daripada perkataan Latin iaitu *movere* yang membawa maksud mula bergerak. Nur Shahidah et. al (2015) mendefinisikan motivasi sebagai satu proses yang bertenaga apabila seseorang itu menggerakkan tingkah laku dirinya untuk mencapai matlamat yang diimpikan.





Menurut Khairuddin (2011), motivasi merujuk kepada kesungguhan iaitu usaha-usaha yang dibuat untuk mencapai apa yang dikehendaki. Apabila individu yang mempunyai motivasi dalam diri biasanya juga mempunyai semangat dan kesungguhan yang tinggi dalam tindakan yang dilaksanakannya (Arwati & Ridzuan, 1993). Seseorang individu dikatakan mempunyai motivasi yang kuat dalam diri, apabila dia bukan sahaja mula bertindak malah mampu membentuk tingkah laku baru secara konsisten. Seyyedeh et. al (2014) pula berpendapat motivasi adalah proses intervensi dalaman yang bertujuan merangsang tindakan dalam diri.

Dalam kajian BKCTRT, motivasi didefinisikan sebagai keinginan dan semangat yang kuat dari dalam jiwa untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran dengan hasrat untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Seseorang pelajar dikatakan mempunyai motivasi yang kuat apabila dia mampu melawan kehendak diri yang negatif untuk membentuk tingkah laku baru yang positif secara istiqamah. Pemilihan definisi ini merujuk kepada instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Participation Motivation Inventory* (PMI) yang dibentuk oleh Gill, Gross dan Huddlestor (1983) dan diterjemahkan oleh Siti Aishah (2015). PMI mengandungi dua unsur iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Tujuan utama penggunaan instrumen ini adalah untuk mengukur motivasi yang lebih dominan dalam diri pelajar sama ada intrinsik dan ekstrinsik. Setelah itu, rawatan akan diberikan bertujuan untuk meningkatkan motivasi intrinsik kerana ia merupakan motivasi yang paling utama dalam merangsang perubahan dalam diri. Setelah itu barulah pembentukan tingkah laku baru dapat dibentuk.





#### 1.9.4 Pelajar Ibu Bapa Bercerai.

Menurut Abdul Latiff (1997), perceraian bermaksud membuka ikatan perkahwinan dengan melafazkan talak atau cerai atau seumpamanya. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang (2017), penceraian ialah perihal kejadian penceraian antara suami dan isteri atau dengan kata lain mereka menamatkan hubungan perkahwinan sama ada dengan pilihan suami atau dengan keputusan kadi. Dari segi istilah pula penceraian bermaksud keruntuhan hubungan perkahwinan dan menyebabkan terputusnya hubungan suami isteri atas sebab tertentu.

Menurut Muhamat Hamzah (2013), dalam kajian fenomena penceraian di

Malaysia mendapati bahawa semua perceraian yang melibatkan orang bukan beragama Islam hendaklah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] manakala bagi orang yang beragama Islam akan melalui proses perceraian berdasarkan Enakmen Keluarga Islam Negeri masing-masing. Dalam kajian Bimbingan Kelompok CTRT ini, pelajar-pelajar mangsa penceraian yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar beragama Islam sama ada lelaki atau perempuan terdiri daripada pelajar tingkatan satu, dua dan empat yang menghadapi perceraian ibu dan bapa yang mana kedua-duanya masih hidup.





### 1.9.5 Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti.

Modul BKCTRT ini dibina oleh pengkaji yang bertindak sebagai rawatan dalam kajian ini. Modul ini dirangka berdasarkan Skala Daya Tahan (SDT) yang dibentuk oleh Araki Tsuyuki (2000) dan diterjemahkan oleh Zaiton & Balan (2015) dan *Participation Motivation Inventory* (PMI) yang dibentuk oleh Gill, Gross dan Huddlestor (1983) dan diterjemahkan oleh Siti Aisyah (2015). Dalam kajian ini, modul CTRT menggunakan teknik WDEP dalam teori CTRT yang dijadikan sebagai konsep utama. Modul ini akan dilaksanakan selama tiga kali (melibatkan sebulan sekali), dan setiap aktiviti dilakukan antara 30 hingga 60 minit. Kandungan modul ini telah mendapat kesahan enam orang pakar dalam bidang kaunseling, pakar dalam pembinaan modul dan guru kaunseling yang berpengalaman sebelum digunakan.



### 1.10 Limitasi Kajian.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti. Antaranya, ialah batas usia subjek kajian. Kajian ini hanya akan dilaksanakan dalam kalangan pelajar berusia 13,14 dan 16 tahun sahaja kerana pihak KPM hanya membenarkan kelas-kelas yang tidak mengambil peperiksaan besar sahaja terlibat dalam kajian. Pemilihan peringkat usia adalah kerana pengkaji ingin melihat perbezaan kesan rawatan mengikut kategori menengah bawah dan atas. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan datang boleh mengembangkan lagi kajian ini dengan menguji kepada pelajar yang lebih dewasa melibatkan pelajar tingkatan enam, pra universiti, peringkat diploma ataupun peringkat ijazah.





Selain itu, dalam kajian ini juga bilangan subjek kajian juga adalah terbatas. Kajian ini hanya akan melibatkan 60 orang sahaja subjek kajian (30 orang kumpulan rawatan, 30 orang kumpulan kawalan dalam kalangan pelajar berusia 13, 14 dan 16 tahun sahaja. Hal ini demikian kerana kajian eksperimental kuasi tidak memerlukan jumlah subjek yang terlalu ramai seperti mana kajian tinjauan. Selain itu, pemilihan subjek yang terlalu ramai akan memberikan implikasi negatif kerana kemudahan dewan yang disediakan hanya boleh menampung bilangan peserta yang terhad. Pengkaji akan datang mungkin boleh menambah bilangan subjek kajian supaya lebih ramai pelajar yang boleh menerima rawatan awal.

Dari segi pemilihan jenis sekolah, pengkaji hanya memilih kajian untuk dilaksanakan di sekolah menengah harian kerana kurang bias berbanding dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang kebanyakannya adalah kategori pelajar terpilih. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan kelak menguji keberkesanan BKCTRT ini ke atas Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah-Sekolah Sukan.

Selain itu, antara limitasi dalam kajian ini adalah modul ini hanya akan dijalankan selama secara berkala selama tiga kali iaitu sebulan sekali bermula Julai 2018, Ogos 2018, dan September 2018. Hal demikian kerana bilangan sesi yang terlalu akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Selain itu, pengkaji tidak memilih pelaksanaan secara marathon adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menyerap dan berkembang setiap bulan sehingga mencapai





impak lebih maksimum. Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar mengembangkan kajian ini dengan menambah lebih banyak aktiviti dan jumlah sesi supaya rawatan boleh dijalankan tiga bulan sekali dalam setahun agar pelajar-pelajar mangsa penceraian mendapat rawatan yang lebih optimum.

### **1.11 Rumusan.**

Bab ini secara keseluruhannya telah menghuraikan tentang latar belakang kajian yang akan dijalankan, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, hypothesis kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan operational, pemboleh ubah kajian dan

